

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN ?

## 1. MENUTUP PAIP

Jimatlah air dengan mengelakkan air paip dari mengalir secara berterusan. Gunakan baldi atau besen apabila mencuci pinggan mangkuk, makanan dan kereta. Tutuplah paip air ketika memberus gigi atau bercukur. Air paip yang dibiarkan menitik boleh membazirkan 12,000 liter air setahun.

## 2. SISTEM PENGEPAMAN YANG JIMAT

Tangki tandas yang menggunakan sistem pam-separuh atau isipadu yang lebih kecil boleh menjimatkan 35,000 liter air setahun (layari internet: 'toilet+half flush') ataupun cara mudah dengan meletakkan bekas plastik ke dalam tangki tandas (diletakkan pasir @ batu kecil dan dipenuhi dengan air). Bekas itu akan mengurangkan air untuk setiap pam tanpa mengganggu keupayaan tandas tersebut.

## 3. PERIKSA KEBOCORAN

Pastikan system saluran paip dan tandas yang digunakan tidak mengalami kebocoran. Titiskan beberapa titik pewarna ke dalam tangki tandas dan periksa mangkuk tandas samada perwarna tersebut kelihatan, jika ada ini bermakna terdapat kebocoran. Baiklah segera kerana kebocoran yang kecil boleh membazirkan beribu liter air sebulan.

## 4. KURANGKAN MASA MANDIAN

Dijangkakan 17,000 liter air di setiap rumah dapat dijimatkan jika mandian dihadkan kepada 5 minit. Mandi menggunakan gayung adalah lebih jimat air daripada menggunakan *shower*.

## 5. PENUHI MESIN BASUH

Lebih kurang 23,000 liter air setiap tahun dapat dijimatkan jika kita hanya membasuh apabila mesin penuh.

## 6. KURANGKAN KEKERAPAN MENCUCI KENDERAAN

Cucilah kenderaan sekali dalam seminggu untuk mengelakkan pembaziran air.

## 7. MENGUMPUL AIR HUJAN

Air ini boleh digunakan terutama untuk kegunaan sampingan seperti menyiram pokok, membasuh kereta dan mencuci lantai. Malaysia menikmati 3000 mm hujan setiap tahun, secara purata sebuah bangunan boleh menjimatkan 40% bersamaan 180,000 liter kegunaan air setiap tahun dengan air hujan yang dikumpulkan ini.



Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM BANGI, Selangor  
MALAYSIA  
Tel : +603 8921 4144 / 8921 4149  
Fax : +603 8925 5104  
Website : <http://www.lestari.ukm.my>

# Kempen Penjimatan Air UKM

Jimatkan Penggunaan Air



## PENJIMATAN AIR

Air bertindak sebagai salah satu keperluan utama untuk pertumbuhan dan pembangunan sejagat. Penambahan populasi manusia dan perindustrian menyumbang kepada kadar penggunaan air yang tinggi, faktor ini meningkatkan permintaan air. Semakin kita melangkah ke gaya hidup yang lebih moden, kita perlu bertindak untuk menjimatkan penggunaan air bagi menjamin bekalannya di masa hadapan.

## TAHUKAH ANDA?

Seorang manusia hanya memerlukan 50 liter (lebih kurang 30 botol air mineral bersaiz besar) air sehari untuk keperluan asas. Jumlah ini dibahagi kepada air minuman (5 liter), kebersihan peribadi (20 liter), mandi (15 liter) dan penyediaan makanan (15 liter). Namun demikian, penggunaan air boleh mencapai sehingga 500 liter per individu iaitu bersamaan dengan 333 botol air mineral bersaiz besar jika tidak menggunakan air dengan cermat.

## INGATLAH

Sebagai rakyat yang tinggal di kawasan beriklim monsun khatulistiwa, kita sepatutnya tidak perlu menderita kerana kekurangan air. Sudah sampai masanya kita sebagai pengguna memikul tanggungjawab mengawal sumber air dan melakukan penjimatan penggunaan air. Kita juga harus mengubah sikap dan cara hidup untuk memastikan sumber air yang mencukupi bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

*Dalam usaha untuk membentuk Kampus UKM yang lestari, semua warga UKM dijemput untuk mengambil bahagian menjayakan kempen ini. Marilah sama-sama kita berpadu tenaga untuk menjadikan kampus UKM yang lestari dan mengamalkan pengurusan sumber air yang cekap dan berkesan.*

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN ?

## 1. MENUTUP PAIP

Jimatlah air dengan mengelakkan air paip dari mengalir secara berterusan. Gunakan baldi atau besen apabila mencuci pinggan mangkuk, makanan dan kereta. Tutuplah paip air ketika memberus gigi atau bercukur. Air paip yang dibiarkan menitik boleh membazirkan 12,000 liter air setahun.

## 2. SISTEM PENGEPAAMAN YANG JIMAT

Tangki tandas yang menggunakan sistem pam-separuh atau isipadu yang lebih kecil boleh menjimatkan 35,000 liter air setahun (layari internet: 'toilet+half flush') ataupun cara mudah dengan meletakkan bekas plastik ke dalam tangki tandas (diletakkan pasir @ batu kecil dan dipenuhi dengan air). Bekas itu akan mengurangkan air untuk setiap pam tanpa mengganggu keupayaan tandas tersebut.

## 3. PERIKSA KEBOCORAN

Pastikan system saluran paip dan tandas yang digunakan tidak mengalami kebocoran. Titiskan beberapa titik pewarna ke dalam tangki tandas dan periksa mangkuk tandas samada berwarna tersebut kelihatan, jika ada ini bermakna terdapat kebocoran. Baikilah segera kerana kebocoran yang kecil boleh membazirkan beribu liter air sebulan.

## 4. KURANGKAN MASA MANDIAN

Dijangkakan 17,000 liter air di setiap rumah dapat dijimatkan jika mandian dihadkan kepada 5 minit. Mandi menggunakan gayung adalah lebih jimat air daripada menggunakan *shower*.

## 5. PENUHI MESIN BASUH

Lebih kurang 23,000 liter air setiap tahun dapat dijimatkan jika kita hanya membasuh apabila mesin penuh.

## 6. KURANGKAN KEKERAPAN MENCUCI KENDERAAN

Cucilah kenderaan sekali dalam seminggu untuk mengelakkan pembaziran air.

## 7. MENGUMPUL AIR HUJAN

Air ini boleh digunakan terutama untuk kegunaan sampingan seperti menyiram pokok, membasuh kereta dan mencuci lantai. Malaysia menikmati 3000 mm hujan setiap tahun, secara purata sebuah bangunan boleh menjimatkan 40% bersamaan 180,000 liter kegunaan air setiap tahun dengan air hujan yang dikumpulkan ini.



Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM BANGI, Selangor  
MALAYSIA  
Tel : +603 8921 4144 / 8921 4149  
Fax : +603 8925 5104  
Website : <http://www.lestari.ukm.my>

# Kempen Penjimatan Air UKM

Jimatkan Penggunaan Air



## PENJIMATAN AIR

Air bertindak sebagai salah satu keperluan utama untuk pertumbuhan dan pembangunan sejagat. Penambahan populasi manusia dan perindustrian menyumbang kepada kadar penggunaan air yang tinggi, faktor ini meningkatkan permintaan air. Semakin kita melangkah ke gaya hidup yang lebih moden, kita perlu bertindak untuk menjimatkan penggunaan air bagi menjamin bekalannya di masa hadapan.

## TAHUKAH ANDA?

Seorang manusia hanya memerlukan 50 liter (lebih kurang 30 botol air mineral bersaiz besar) air sehari untuk keperluan asas. Jumlah ini dibahagi kepada air minuman (5 liter), kebersihan peribadi (20 liter), mandi (15 liter) dan penyediaan makanan (15 liter). Namun demikian, penggunaan air boleh mencapai sehingga 500 liter per individu iaitu bersamaan dengan 333 botol air mineral bersaiz besar jika tidak menggunakan air dengan cermat.

## INGATLAH

Sebagai rakyat yang tinggal di kawasan beriklim monsun khatulistiwa, kita sepatutnya tidak perlu menderita kerana kekurangan air. Sudah sampai masanya kita sebagai pengguna memikul tanggungjawab mengawal sumber air dan melakukan penjimatan penggunaan air. Kita juga harus mengubah sikap dan cara hidup untuk memastikan sumber air yang mencukupi bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

*Dalam usaha untuk membentuk Kampus UKM yang lestari, semua warga UKM dijemput untuk mengambil bahagian menjayakan kempen ini. Marilah sama-sama kita berpadu tenaga untuk menjadikan kampus UKM yang lestari dan mengamalkan pengurusan sumber air yang cekap dan berkesan.*